

## **KEBERKESANAN LATIHAN INDUSTRI GRADUAN DIPLOMA PENGURUSAN PERHOTELAN, KUIM (KOHORT 35 & 36): TINJAUAN DARI PERSPEKTIF MAJIKAN**

Dziatul Nadiah Bt Dzia-Uddin  
Fakulti Pengurusan Hospitaliti, KUIM

### **ABSTRAK**

Kajian ini memberi fokus kepada maklum balas majikan terhadap prestasi personaliti dan kemahiran insaniah pelajar yang sedang menjalani latihan industri di pelbagai latar belakang organisasi. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap personaliti pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan Kolej Universiti Islam Melaka yang mengikuti latihan industri dan mengenal pasti tahap kemahiran Insaniah pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan Kolej Universiti Islam Melaka yang mengikuti latihan industri. Kajian ini melibatkan semua pelajar Diploma Pengurusan Perhotelan semester akhir di Kolej Universiti Islam Melaka. Responden merupakan pelajar dari kohort 35 dan 36. Populasi kajian adalah kumpulan pelajar yang telah menjalani latihan industri dan terhad kepada 71 orang responden sahaja. Memandangkan saiz sample adalah kecil maka pengkaji akan mengambil kesemua 71 responden untuk dikaji. Borang soal selidik merupakan instrumen yang akan digunakan bagi mengumpul data dan dihantar melalui emel kepada majikan oleh penyelidik. Kajian ini memberi maklumat kepada penyelidik bahawa faktor yang ditekankan oleh pihak industri terhadap pelajar Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM. Faktor pertama yang ditekankan adalah pembinaan personaliti. Sahsiah yang baik berupaya menjadi asas kepada pembinaan peralajar yang berwibawa. Kedua merupakan faktor kemahiran Insaniah yang banyak diterapkan didalam kelas amali dan projek luar. Kemahiran yang dititikberatkan adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran bekerja secara berpasukan. Selain itu faktor ini penting untuk diketahui dan amat perlu untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar terutama apabila sudah bergraduasi nanti. Maklumat ini akan memberi maklumat yang berfaedah kepada pihak-pihak yang tertentu. Antara pihak yang boleh mendapat manfaat daripada kajian ini adalah termasuk: Unit Latihan Industri, dan para pentadbir Fakulti Pengurusan Hospitaliti KUIM, pihak industri, para pensyarah dan para pelajar.

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Dalam era global yang pesat membangun, peranan pendidikan tinggi telah menjadi semakin mencabar bagi memenuhi pembangunan sosial dan ekonomi negara. Peningkatan permintaan untuk pendidikan tinggi terutama dalam negara yang pesat membangun menyebabkan transformasi sistem pendidikan menjadi pilihan dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan semasa (Salleh, 2014). Namun begitu sehingga hujung tahun 2017, sebanyak 20.9 peratus graduan masih belum mendapat pekerjaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 4.7 peratus menyatakan mereka sedang menunggu penempatan pekerjaan manakala sebanyak 17.1 peratus menyatakan mereka sedang melanjutkan pengajian dan 2.0 peratus menyatakan mereka sedang meningkatkan kemahiran. Statistik juga menunjukkan hanya 55.5 peratus graduan sahaja yang berjaya mendapatkan pekerjaan dalam bidang masing-masing. Ini menunjukkan persaingan untuk mendapatkan perkerjaan adalah tinggi di kalangan graduan institusi pengajian tinggi di Malaysia,

(Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2017). Graduan kini bukan sahaja dikehendaki mempunyai pengetahuan akademik tetapi perlu mempunyai kemahiran generik „*soft skills*’ dan kemahiran menguruskan perniagaan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Semua kemahiran ini merupakan aset bagi kebolehpasaran graduan dan faktor penentu untuk mendapatkan pekerjaan (Makhbul, Yussof dan Awang, 2015). Oleh yang demikian, memiliki sijil akademik sahaja tidak menjamin seseorang graduan untuk mendapatkan pekerjaan, sebaliknya mereka harus mempunyai nilai tambah „*added value*” dalam diri mereka seperti berpengetahuan luas, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan diri sebelum menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar. Untuk meningkatkan tahap mampu kerja para graduan, program latihan industri yang diperkenalkan adalah untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan, (Salleh, 2014). Latihan industri memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka apabila sudah tamat pengajian kelak, (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memastikan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) melahirkan graduan yang kebolehpasaran dan kajian terperinci haruslah dilakukan untuk mencari penyelesaian bagi semua tenaga pengajar dan juga bagi sistem pelaksanaan latihan industri itu sendiri. Latihan industri merupakan salah satu subjek yang perlu diambil bagi memenuhi syarat kelayakan untuk mendapatkan diploma atau sijil yang akan dianugerahkan. Bagi para pelajar Diploma Pengurusan Perhotelan di KUIM, mereka diwajibkan untuk memilih tempat bagi menjalankan latihan industri samada di hotel, syarikat katering atau industri yang dipilih yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipelajari. Menurut kajian Alhelalat (2015), graduan hospitaliti seharusnya mempunyai lebih banyak kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran belajar, teknologi, pengumpulan data dan analisis, bahasa, kemahiran pengurusan dan kepimpinan untuk memenuhi piawaian industri untuk kemahiran graduan hospitaliti. Terdapat beberapa perkara dapat dirumuskan berdasarkan borang penilaian latihan industri. Antaranya adalah berkaitan persepsi majikan berdasarkan kemahiran Insaniah dan personaliti terhadap pelajar hospitaliti KUIM yang menjalani latihan industri. Bersandarkan kepada permasalahan ini, penyelidik ingin mengkaji persepsi majikan terhadap tahap personaliti dan tahap kemahiran Insaniah pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM Kohort 35 dan 36 yang mengikuti latihan industri.

## **1.2 OBJEKTIF**

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi majikan terhadap tahap personaliti dan tahap kemahiran Insaniah pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan Kolej Universiti Islam Melaka yang mengikuti latihan industri. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap personaliti pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan Kolej Universiti Islam Melaka yang mengikuti latihan industri
2. Mengetahui tahap kemahiran Insaniah pelajar Program Diploma Pengurusan Perhotelan Kolej Universiti Islam Melaka yang mengikuti latihan industri

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 PERSONALITI**

Personaliti merujuk kepada keseluruhan cara di mana individu bertindak dan berinteraksi dengan individu lain. Selain itu personaliti dapat diperincikan sebagai sifat, keperibadian, sahsiah, tingkah laku dan pembawakan diri seseorang individu yang boleh dibezakan dengan individu yang lain dan ia juga mencirikan kebolehan dan keupayaan seseorang menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran (Salleh, 2014). Amina, Jaafarb, Hooda, Saada dan Amin (2012) menegaskan personaliti graduan amat penting bagi mempengaruhi pandangan majikan. Faktor personaliti dan karakter yang menyakinkan adalah penting kerana karektor diri yang menarik akan menyerlahkan pesona dalam diri dan majoriti majikan tertarik dengan personaliti pemohon ketika hadir ke sesi temu duga, (Saidin, Ismail dan Khari, 2018). Al-Qaradawi berpendapat generasi belia yang berjaya dengan cemerlang ialah yang memiliki didikan Islam secara komprehensif, akalunya dibekalkan dengan semua ilmu, badan dilatih dengan segala kekuatan ibadat khusus dan umum serta sahsiahnya ditanam dengan nilai murni dan mulia. Sahsiah yang baik merupakan asas kepada generasi belia yang cemerlang dan melahirkan rakyat yang dapat menyumbangkan tenaga demi mencapai wawasan negara (Jusoh, Serji, Salih, Rahman dan Mujahid, 2015).

### **2.2 KEMAHIRAN INSANIAH**

Ismail, Shaari, Faisal, Husain, dan Mohamed, (2014) menyatakan kemahiran seringkali dirujuk sebagai kemahiran boleh pindah, iaitu kemahiran yang dibentuk dalam satu keadaan (pendidikan) yang akan juga menjadi penting apabila dipindahkan kepada situasi yang lain (pekerjaan). Namun pencapaian akademik bukanlah kriteria utama yang di lihat oleh para majikan abad ini kerana apa yang lebih penting buat mereka adalah kemahiran insaniah yang meliputi aspek keperibadian dan keterampilan serta komunikasi dalam memilih pekerja (Mason, Williams dan Cranmer, 2009). Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada tahun 2005 telah menjalankan sebuah kajian dan mendapati kriteria kemahiran komunikasi merupakan penentu utama kepada kebolehpasaran graduan, manakala pencapaian akademik berada di tangga kelapan, (Ali dan Noordin, 2006). Selain itu, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun 2016 mendapati seramai 54,103 daripada 238,187 siswazah universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian masing-masing pada tahun 2015. Hal ini adalah disebabkan kebanyakan graduan tidak dapat bersaing dalam mendapatkan pekerjaan kerana mereka kekurangan dari segi kemahiran insaniah *soft skills* seperti penguasaan bahasa, kebolehan, kewibawaan dan seumpamanya (Sinar Harian, 2017).

#### **2.2.1 KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI**

Kemahiran berkomunikasi merupakan keperluan yang penting bagi seorang graduan dalam memenangi hati para majikan Esa, Yunus dan Kaprawi, (2005). Graduan seharusnya memiliki kemahiran mengkomunikasikan buah fikiran mereka dengan jelas dan yakin dalam kedua-dua bentuk kemahiran lisan dan bertulis (Shakir, 2009). Selain itu, komunikasi merupakan agen utama yang mengukuhkan hubungan dalam sesuatu organisasi dan individu yang mempunyai kemahiran komunikasi merupakan satu kelebihan untuk individu tersebut bersaing dipasaran kerja yang begitu kompleks (Eunson, 2007). Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar paling utama di dunia dan majoriti

syarikat menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Graduan yang lemah dan kurang keyakinan dalam berkomunikasi menyebabkan mereka gagal memperolehi pekerjaan. Justeru itu, majikan era ini memerlukan pekerja yang mahir dalam komunikasi untuk memastikan segala tugas yang diberikan difahami dan mendapat maklum balas yang baik. Sekiranya graduan tidak berupaya untuk berkomunikasi maka adalah sukar untuk majikan menawarkan pekerjaan. Tambahan pula, ketika sesi temu duga kriteria tersebut merupakan faktor utama yang dilihat dan diambil kira oleh majikan sebelum menawarkan pekerjaan.

## **2.2.2 PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH**

Kemahiran berfikir pada umumnya adalah suatu kemahiran memproses minda bagi mencapai sesuatu tujuan. Kemahiran berfikir secara kritikal adalah kebolehan individu menggunakan minda untuk mencari makna dan kefahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai idea, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dengan membuat pertimbangan yang wajar, (Radzi, 2010). Menurut Peng (2008), kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru yang berlainan. Walau bagaimanapun, di dalam era globalisasi ini, seorang graduan seharusnya mampu bekerja dengan orang ramai, menyelesaikan masalah secara kreatif, berfikir secara multidisiplin dan menilai maklumat secara kritis (Idrus, Dahan, dan Abdullah, 2010). Seperti yang disarankan oleh Rahman, Jusoh, Serji dan Salleh (2015) untuk membentuk jati diri supaya lebih cekap dan berkesan, kemahiran penyelesaian masalah perlu ada dalam setiap diri graduan. Ini kerana Majikan memerlukan pekerja yang dapat menyelesaikan masalah dengan baik dan mereka dianggap sebagai aset kepada syarikat. Oleh itu, kemahiran menyelesaikan masalah ini perlu diterapkan kepada para graduan supaya mereka berjaya memperoleh pekerjaan apabila tamat pengajian kelak.

## **2.2.3 KEMAHIRAN BEKERJA SECARA BERPASUKAN**

Azley (2014) mendefinisikan kerja berpasukan merujuk kepada pekerja yang bekerja dalam satu kumpulan yang sering bekerjasama dan menjalankan tugas secara berganding bahu bagi mencapai matlamat pasukan. Ini selari dengan pernyataan Ibrahim, Mastor, Salleh dan Sulaiman, (2010) dimana kemahiran berpasukan melibatkan kebolehan untuk membina hubungan baik, berinkteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama; kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan; kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain dan kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan. Ibrahim et al., (2010) menyatakan kemahiran berpasukan melibatkan kebolehan untuk membina hubungan baik, berinkteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama. Justeru itu, dunia pekerjaan amat memerlukan kemahiran bekerja dalam kumpulan di samping kelayakan akademik yang ditetapkan oleh majikan. Pelbagai usaha dan pendekatan dilakukan untuk menanam sifat bekerja dalam kumpulan di kalangan pelajar IPT sebelum bergelar graduan dan memasuki pasaran peluang pekerjaan (Marni, Mohamed dan Jasmi, 2005). Sifat bekerja dalam kumpulan merupakan satu daripada kemahiran generik yang perlu dicapai bagi memenuhi jaminan kualiti IPT dan permintaan daripada pelbagai sektor pekerjaan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 REKABENTUK PENYELIDIKAN**

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Bagi pendekatan kajian kuantitatif, tinjauan kajiselidik dijalankan ke atas 14 orang pegawai sumber manusia di hotel sekitar Melaka yang menerima seramai 71 orang pelajar (kohort 35 dan 36) jurusan Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM yang mengikuti latihan industri di hotel mereka. Mengikut rekabentuk kajian ini, satu instrumen pengumpulan data untuk tujuan penganalisan dibentuk untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Kaedah kajian yang dipilih di dalam penyelidikan ini, dibentuk untuk menjawab persoalan kajian yang dinyatakan sebelum ini. Berdasarkan persoalan kajian, satu kajian kuantitatif diperlukan untuk mengenalpasti keperluan dan persepsi majikan terhadap keberkesanan latihan industri di kalangan graduan program Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM.

### **3.2 POPULASI DAN PERSAMPELAN**

Kajian ini melibatkan semua pelajar Diploma Pengurusan Perhotelan semester akhir di Kolej Universiti Islam Melaka. Responden merupakan pelajar dari kohort 35 dan 36. Populasi kajian adalah kumpulan pelajar yang telah menjalani latihan industri dan terhad kepada 71 orang responden sahaja. Memandangkan saiz sample adalah kecil maka pengkaji akan mengambil kesemua 71 responden untuk dikaji. Borang soal selidik merupakan instrumen yang akan digunakan bagi mengumpul data dan dihantar melalui emel kepada majikan oleh penyelidik.

### **3.3 PENGUMPULAN DATA**

Kajian soal selidik yang dibentuk dari bahagian sebelum ini, digunakan sebagai alat pengumpulan data. Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini mengandungi tiga muka surat. Soal selidik tersebut dihantar melalui emel kepada majikan dan dibuat susulan melalui panggilan telefon.

Penyelidik akan meminta para majikan untuk menjawab borang soal selidik berkaitan dan di emailkan semula kepada penyelidik bagi tujuan pengumpulan data.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah set borang soal selidik. Soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat dan mempunyai lebih kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha untuk mendapatkan maklumat kuantitatif (Sulaiman, 2000). Instrumen yang dibina adalah terdiri daripada borang soal selidik yang disediakan mengandungi 3 bahagian yang utama. Bahagian A mengandungi maklumat responden meliputi

a) jawatan b) bangsa c) jantina d) nama dan alamat hotel e) telefon, faks dan e-mel. Bahagian B pula meminta para responden menentukan tahap personaliti graduan yang berada dalam organisasi mereka, sumber instrumen ini di adaptasi dari Rosli, (2014). Bahagian C pula meminta responden menentukan maklumbalas majikan terhadap kemahiran Insaniah pelajar dan sumber instrumen ini di adaptasi dari Keong, (2014). Kedua-dua bahagian B dan C dinilai oleh responden mengikut skor yang disusun

menggunakan teknik Skala Likert 5 mata iaitu 1 (Lemah), 2 (Kurang Memuaskan), 3 (Memuaskan), 4 (Baik) dan 5 (Cemerlang).

## **KESIMPULAN**

Kajian ini memberi maklumat kepada penyelidik bahawa faktor yang ditekankan oleh pihak industri terhadap pelajar Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM. Faktor pertama yang ditekankan adalah pembinaan personaliti. Sahsiah yang baik berupaya menjadi asas kepada pembinaan pelajar yang berwibawa. Kedua merupakan faktor kemahiran Insaniah yang banyak diterapkan didalam kelas amali dan projek luar. Kemahiran yang dititikberatkan adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran bekerja secara berpasukan. Selain itu faktor ini penting untuk diketahui dan amat perlu untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar terutama apabila sudah bergraduat nanti. Maklumat ini akan memberi maklumat yang berfaedah kepada pihak-pihak yang tertentu. Antara pihak yang boleh mendapat manfaat daripada kajian ini adalah termasuk: Unit Latihan Industri, dan para pentadbir Fakulti Pengurusan Hospitaliti KUIM, pihak industri, para pensyarah dan para pelajar.

## **RUJUKAN**

- Azley, S., (2014) Kerja Berpasukan dalam Organisasi dan Penerapan Kerja Berpasukan dalam Organisasi Sekolah. Diperoleh pada Oktober 06, 2018 dari <https://independent.academia.edu/SaifulAzley/ResearchInterests>
- Alhelalat, J. A. (2015). Hospitality and non-hospitality graduate skills between education and industry. *Journal of Business Studies Quarterly*, 6(4), 46-55.
- Amina, H.M., Jaafar, J., Hooda, Z., Saada, S., Amin, H.M., (2012). Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Jantina, *Journal Teknologi*, Penerbit UKM, 1-25.
- Ali, M., dan Noordin, S., (2006). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis di Kalangan Pelajar Pendidikan Fizik Merentas Jantina. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains & Matematik Johor*. Jilid 15.
- Esa, A., Mohd Yunus, J., dan Kaprawi, N. (2005). Kebolehpercayaan Inventori Kemahiran Generik. *Jurnal Sains Sosial*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Jilid 3 Bil 1. Disember 2005.
- Eunson, B. (2007). *Communication in the workplace*. First Published. Australia: John Wiley & Sons.
- Ibrahim, B., Mastor, S., Salleh, K.M dan Sulaiman, N.L., (2010), "Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia". Penerbit UTHM, 12- 14
- Idrus, H., Dahan, H. M., dan Abdullah. N., (2010). Integrating critical thinking and problem solving skills in the teaching of technical courses: The narrative of a Malaysian private university. *2nd International Congress on Engineering Education*, December 8-9, 2010, Kuala Lumpur, Malaysia. 258-263.
- Ismail, E., Shaari, B. M., Faisal, R., Husain, S., Dan Mohamed, S. F. R., (2014). Persepsi Majikan Terhadap Graduan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh dari <https://www.mypoliteknik.edu.my/index.php/mengenai->

- kami/berita-dan-hebahan/muat-turun/476-laporan-kajian-majikan/file.html pada Oktober 05, 2018.
- Idrus, H., Dahan, H. M., dan Abdullah. N.,(2010). Integrating critical thinking and problem solving skills in the teaching of technical courses: The narrative of a Malaysian private university. *2nd International Congress on Engineering Education*, December 8-9,2010, Kuala Lumpur, Malaysia. 258-263.
- Ismail, E., Shaari, B. M., Faisal, R., Husain, S., Dan Mohamed, S. F. R., (2014). Persepsi Majikan Terhadap Graduan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh dari <https://www.mypoliteknik.edu.my/index.php/mengenal-kami/berita-dan-hebahan/muat-turun/476-laporan-kajian-majikan/file.html> pada Oktober 05, 2018.
- Jusoh, Z., Y., M., Serji, R., M., Salleh, M., Rahman, S., H., A., Mujahid, N., R.,(2015). Analisis Tahap Kepuasan Majikan terhadap Pelajar Latihan Industri Program Pengajian Islam, Akademik Islam, KUIS
- Kementerian Pendidikan Tinggi (2017). Kajian Pengesanan Graduan diperoleh dari: [file:///C:/Users/new/Downloads/Statistik\\_PT\\_2017\\_-\\_8\\_-\\_Bab\\_7%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/new/Downloads/Statistik_PT_2017_-_8_-_Bab_7%20(1).pdf)
- Kementerian Pengajian Tinggi (2010). Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi, 28-30. Diperoleh pada Oktober 05, 2018, dari [http://122.129.120.12/bahan/BIPD-Dasar%20LI%20IPT%20\(1\).pdf](http://122.129.120.12/bahan/BIPD-Dasar%20LI%20IPT%20(1).pdf)
- Keong, P. P., (2014). Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir di Politeknik KPM. *Laporan Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Diperoleh dari [http://eprints.uthm.edu.my/5359/1/PUA\\_POH\\_KEONG.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/5359/1/PUA_POH_KEONG.pdf) pada Oktober 11, 2018.
- Makbul, Z. M., Yussof, I., dan Awang, A.H. (2015). Antara realiti dan harapan – Kajian empirikal persepsi majikan terhadap prestasi graduan tempatan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11 issue 10 (27 - 36)
- Marni, N., Mohamed, A. K., Jasmi, K. A. (2005). Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (Teamworking) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraian Menurut Perspektif Wahyu. *Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005*. pp 1-12
- Mason, G., Williams, G. & Cranmer, S., (2009). Employability skills initiatives in higher education: what effects do they have on graduate labour market outcomes?. *Journal of Education Economics*. 17(1): 1-30.
- Peng, C. F., (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kretif dan Kritis Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – Mylej)*. Vol 4, Bil 2.
- Radzi, M. S. M., (2010). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah. *Thesis Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. 24-29

- Rahman, S. H. A., Jusoh, Z. Y. M., Serji, R. M., dan Salleh, M., (2015). Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (Ipt): Satu Sorotan. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*.
- Rosli, W. N., (2014). Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri. *Sumber data dari Unit Kolaborasi & Keusahawanan Kolej Komuniti Jelebu 2013-2014*. Diperoleh dari <https://en.calameo.com/books/003971463db3e84a47fce> pada Oktober 11, 2018.
- Saidin, S. S., Ismail, I., dan Khari, Z. M., (2018).Keberkesanan Latihan Industri Sebagai Faktor Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Baling. *E-Proceedings National Innovation and Invention Competition through Exhibition 2018*.
- Salleh, N., H. (2014). Kepuasan Majikan Terhadap Prestasi Pelajar Letika Menjalani Latihan Industri. *Kertas Kajian Pengurusan Perniagaan*.
- Shakir, R., (2009). Soft skills at the Malaysian institutes of higher learning. *Asia Pacific Education Review 10*, 309-310.
- Sinar Harian (2017). Graduan dan Pengangguran. Diperoleh dari <http://www.sinarharian.com.my/kampus/graduan-pengangguran-1.754233> pada Oktober 05, 2018
- Sulaiman Ngah Razali. (2000). Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka